

Tun Zaki Pengerusi Lembaga Pengarah UMS baharu

KOTA KINABALU: Mantan Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu, menggantikan Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egeh sejak 23 April 2013.

“Sebagai Ahli Lembaga UMS yang baharu, penambahbaikan UMS adalah salah satu perancangan akan datang dengan harapan

UMS dapat mencapai satu tahap yang dihormati.

“Selain itu, dengan menggunakan pengalaman yang ada, saya berharap dapat menambah pendapatan UMS kerana setakat ini perbelanjaan yang diperuntukkan oleh kerajaan amat terhad,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Yang Dipertua Negeri, Tun

Juhar Haji Mahiruddin dan isteri Toh Puan Norlidah R.M Jasni di Istana Negeri, pagi kelmarin.

Menurut Tun Zaki, tujuan kunjungan hormat itu adalah sebagai penghormatan kepada Juhar selaku Canselor UMS.

ZAKI dan rombongan turut merakam gambar kenangan bersama Juhar dan Norlidah.

